

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, August 9, 2018 11:26 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SBM Iktiraf Jasa & Sumbangan Staf



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

9 OGOS 2018 / 27 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SBM IKTIRAF JASA & SUMBANGAN STAF



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) mengiktiraf sumbangan dan jasa pensyarah dalam usaha menjadi sekolah perniagaan terbaik di dunia pada Majlis Apresiasi Staf SBM 2018 di EDC Hotels & Resorts, UUM, kelmarin.

Dekan SBM, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah menyifatkan majlis ini sebahagian daripada tradisi yang sedang dibina di SBM untuk menghargai dan meraikan setiap sumbangan yang diberikan oleh staf.

“Usaha ini bertunjangkan kepada objektif SBM iaitu menjadi sebuah institusi berprestasi tinggi.

“Setinggi-tinggi tahniah kepada staf yang diberikan pelbagai anugerah, terima kasih kepada semua yang berusaha bersungguh-sungguh sehingga membolehkan SBM menjadi sebuah institusi yang kompetitif dan dinamik,” ujarinya.

Jelasnya, kejayaan yang dicapai hasil daripada semangat berpasukan dan kerjasama antara staf yang menjalankan tugas dengan tanggungjawab dengan sentiasa berusaha mencapai petunjuk prestasi sejajar dengan visi, misi dan objektif SBM.

“Kita perlu berusaha sebaiknya dalam usaha menjadi institusi bereputasi antarabangsa dalam kedua-dua bidang penyelidikan iaitu *fundamental* dan *applied*.

“Pada masa yang sama kita perlu memastikan program akademik menepati keperluan industri di samping mewujudkan program baharu di peringkat ijazah pertama, sarjana dan PhD.

“Kita perlu bergerak pantas untuk mewujudkan semua program ijazah kita dalam mod *online malah usaha* untuk mempunyai program ijazah berkembar dengan universiti terkemuka dunia perlu dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

“Marilah kita berkerja bersama-sama dan bersungguh-sungguh jangan kerana satu habuk yang masuk ke mata kita, kita sudah tidak selesa, contohi semangat mereka yang cacat penglihatan tetapi berjaya kerana tidak menjadikan kecacatan sebagai alasan untuk tidak berusaha.

“*The best is never rest* jadikan Steve Job, Usain Bolt dan Michael Phelp sebagai inspirasi buat kita kerana di sebalik kejayaan mereka, ribuan jam berlatih mengasah bakat dan kemahiran.

“Ini bukan sesuatu yang mudah kerana menuntut komitmen, disiplin yang tinggi, semangat berpasukan, keringat, air mata, saya yakin kita boleh melakukannya.

“Jadi kalau kita fahami apa erti perjuangan untuk mengangkat SBM menjadi sebuah *business school* terkemuka, kita harus berganding bahu dan bersatu hati dalam setiap agenda yang kita tetapkan.

“Ingatlah, tidak banyak institusi mampu bertahan lebih dari 100 tahun jika warganya tidak mahu berubah.

“Justeru itu, sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik, menjadikan diri dan organisasi sebagai yang terbaik dalam industri dan dunia sebagai tanda aras,” kongsiinya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.